

Zheng He

Sosok Unggul Muslim Suprawangsa

Awang Sariyan

Nama Zheng He (1371-1433M) yang dalam buku sejarah disebut Ceng Ho, merupakan pembesar istana China beragama Islam yang menampilkan sosok suprawangsa, iaitu sosok yang merentas bangsa. Dengan taraf keturunannya sebagai orang etnik Hui di Tanah Besar China, iaitu etnik terbesar pemeluk agama Islam, beliau diangkat mewakili negara yang terdiri daripada puluhan etnik, dan kemudian berinteraksi dengan bangsa-bangsa sedunia, seperti bangsa Melayu dan pelbagai etnik lain di Alam Melayu, Asia Selatan dan Asia Barat. Beliau bukan mewakili citra satu etnik, melainkan seluruh etnik penduduk sebuah negara kuasa besar pada zamannya sekitar abad ke-14 dan 15 Masihi. Malah, dengan kedudukannya sebagai orang Islam, ciri suprawangsanya lebih bererti kerana penerimaan sebuah kuasa bukan Islam terhadap seorang Islam yang diberikan peranan penghubung antara negara.





Nama Cina beliau ialah Ma He, dan nama Islamnya pula Ma Sanbao. Dalam dialek Hokkien, beliau dikenali sebagai Ceng Ho. Nama lain beliau ialah Sam Po Kong, Sam Po Tay Jin, Sam Po Twaling dan Kong Tjauw Ceng Ho. Di Indonesia beliau digelar "Syahbandar Agung Muhamad Ceng Ho". Dalam bahasa Mandarin, Zheng He bererti "terang yang membawa damai" bertepatan dengan sifat dan watak, serta sumbangan beliau yang memang "terang membawa damai".

Zheng He lahir pada tahun 1371 Masihi dalam keluarga Islam di Kun Yang (kini daerah Jingning) di provinsi Yunnan. Zaman kelahiran Zheng He menyaksikan peralihan pemerintahan di China daripada Dinasti Yuan kepada Dinasti Ming, apabila Maharaja Hongwu berjaya menawan China daripada Dinasti Yuan pada tahun 1368. Yunnan merupakan antara provinsi akhir yang ditawan oleh Dinasti Ming. Zheng He, seperti juga sejumlah besar anak muda lelaki yang ditawan, telah dikembiri untuk dijadikan sida-sida di istana. Beliau ditempatkan di istana putera keempat Maharaja Hongwu.

Sepanjang berkhidmat sebagai sida-sida, Ma He menimba ilmu daripada kitab falsafah, agama dan sastera yang terdapat di Perpustakaan Zhu Di, iaitu putera keempat maharaja itu. Di samping itu, beliau turut mempelajari kemahiran berperang seperti memanah, menunggang kuda, bermain pedang dan kemahiran ketenteraan. Pada tahun 1390, beliau terpilih mengiringi Zhu Di dalam misi serangan ke atas puak Uriankhai.

Kejayaan misi Zhu Di memungkinkannya ditabalkan sebagai maharaja dengan nama baharunya, Maharaja Yongle. Ma He yang berbakti dengan cemerlang dalam misi itu dilantik sebagai pegawai kanan sida-sida dan diisytiharkan dengan nama baharu, Zheng He. Itulah permulaan peranan Zheng He sebagai orang kepercayaan maharaja yang memungkinkannya melaksanakan misi yang jauh lebih besar sebagai duta dan ketua pelayaran ke wilayah luar.

Sesetengah sarjana percaya bahawa nasab Zheng He berangkaian dengan Nabi Muhammad SAW. Sarjana seperti Haji Li Shihou mengatakan bahawa Zheng He ialah keturunan ke-37 Nabi Muhammad SAW dengan susur galurnya daripada Husin atau Hasan, iaitu cucu Nabi Muhammad daripada Khalifah Ali. Fakta itu disanggah oleh sesetengah sarjana kerana kekurangan bukti sahih,

“Sarjana seperti Haji Li Shihou mengatakan bahawa Zheng He ialah keturunan ke-37 Nabi Muhammad SAW dengan susur galurnya daripada Husin atau Hasan, iaitu cucu Nabi Muhammad daripada Khalifah Ali.”

namun kemungkinan adanya kebenaran fakta itu melonjakkan penghormatan kepada Zheng He.

Peristiwa penting dalam kehidupan Zheng He banyak dipertalikan dengan kejayaan misi pelayarannya yang mewakili kerajaan China ke pelbagai wilayah. Pelayaran pertama beliau bermula pada tahun 1405-1407 ketika berusia 35 tahun. Pelabuhan yang disinggahi ialah Campa, Siam, Jawa, Palembang, Samudera Pasai (Aceh), Melaka, Malabar, Calicut dan Ceylon dengan 317 buah kapal dan 27 870 orang pelayar, membawa sutera, porselin dan rempah-ratus. Pada tahun 1407-1409, beliau memimpin pelayaran ke Campa, Siam, Brunei, Jawa, Samudera Pasai, Melaka, Malabar, Calicut, Cochin dan Ceylon. Armada tersebut menghantar pulang duta besar dari Sumatera, India dan lain-lain yang berkunjung ke China, dan mengukuhkan hubungan perdagangan Dinasti Ming di Lautan Hindi.

Pada tahun 1409-1411 pula, beliau memimpin pelayaran ke Campa, Siam, Jawa, Melaka, Aceh, Ceylon, Cochin dan Calicut. Mereka melakukan penyerahan hadiah ke kuil Buddha sebagai tanda toleransi keagamaan. Seterusnya, pada tahun 1413-1415, beliau memimpin pelayaran ke Campa, Jawa, Kelantan, Pahang, Melaka, Ceylon, Maldives, Cochin, Calicut, Muqdisho, Qeshin dan Tanzania. Pelayaran ini telah menyeberangi Laut Arab, dan sekitar 18 buah negeri memberikan ufti sebagai pengiktirafan atas kekuatan China.

Pada tahun 1417-1419, beliau memimpin pelayaran ke Campa, Brunei, Jawa, Pahang, Melaka, Ceylon, Cochin, Calicut, Maldives, Muqdisho, Barawe, Aden, Ras As Salif, Qeshin dan Tanzania.



Kemudian, pada tahun 1421-1422, beliau memimpin pelayaran ke Campa, Siam, Melaka, Bengal, Ceylon, Cichin, Maldives, Calicut, Zulfar, Aden, Ras As Salif, Muqdisho, Barawe dan Qeshm. Pelayaran terakhir beliau adalah pada tahun 1431-1433, ke Campa, Siam, Jawa, Palembang, Melaka, Aceh, Bengal, Ceylon, Quilon, Cochin, Maldives, Calicut, Qeshm, Zufar, Aden, Ras As Salif, Makkah, Muqdisho, Barawe dan Jabo.

Berdasarkan perbandingan dengan tokoh pelayar sedunia yang masyhur, ternyata Zheng He mempunyai rekod yang jauh lebih cemerlang. Perbandingan itu dapat diringkaskan seperti yang berikut.

► **Pelayaran Zheng He:**

Jumlah tujuh pelayaran dalam tempoh 28 tahun (1405-1433) dengan jumlah kapal sebanyak 41 hingga 317 buah dan jumlah pelayar 27 550 hingga 30 000 orang. "Kapal Pusaka" yang dinaiki oleh Zheng He ialah kapal terbesar pada abad ke-15 dengan panjangnya 138 meter dan lebarnya 56 meter, lima kali lebih besar daripada kapal Columbus. Beratnya pula 2500 tan. Pelayaran tersebut merupakan ekspedisi ke lautan dunia yang terawal.

► **Pelayaran Christopher Columbus:**


Empat pelayaran dalam tempoh 12 tahun (1492-1504) dengan jumlah kapal tiga hingga 17 buah dan jumlah pelayar 104 hingga 1200 orang. Pelayaran tersebut merupakan misi pertama orang Eropah ke Amerika

► **Pelayaran Vasco da gama:**

Dengan tiga pelayaran dalam tempoh 27 tahun (1497-1524) dengan jumlah kapal sebanyak empat hingga 14 buah. Beliau menemukan jalan laut dari Eropah ke India melalui Tanjung Harapan di Afrika Selatan.

► **Pelayaran Ferdinand Magellan:**

Hanya satu pelayaran dalam tempoh tiga tahun (1519-1522), dengan jumlah kapal sebanyak lima



Antara buku yang mengisahkan pelayaran Zheng He dan hubungan Empayar Melaka dengan Dinasti Ming pada abad ke-15.

buah. Pelayaran tersebut merupakan pelayaran mengelilingi dunia yang pertama. Beliau hanya ketua misi, tetapi penunjuk arah ialah seorang Melayu Filipina, Enrique/Henry The Black (dalam novel yang berjudul *Panglima Awang* oleh Harun Aminurrashid).

Pelayaran Zheng He membawa misi diplomatik dan perdagangan, berbanding dengan misi Barat yang berakhir dengan peperangan, pertumpahan darah dan proses penjajahan. Jelas bahawa Zheng He telah melaksanakan misi persahabatan, perdamaian dan penghormatan dinasti China terhadap negara atau kerajaan lain. Inilah semangat yang patut menjadi landasan Inisiatif Jalur dan Laluan (*Belt and Road Initiative*) yang digagaskan oleh China, dan melibatkan 124 buah negara sedunia.

Sumbangan Zheng He dapat dinilai dalam bidang peradaban, iaitu pelayaran antarabangsa, perdagangan, kebudayaan, penyebaran agama Islam, serta diplomasi dan perhubungan antarabangsa. Dalam bidang pelayaran antarabangsa, sumbangan yang ketara ialah pengembangan ilmu geografi dengan penghasilan peta pelayaran Zheng He.

Dalam bidang perdagangan, berlangsung usaha eksport dan import yang pesat semasa misi Zheng He. Antara barang eksport termasuklah sutera, sulaman, porselin, emas, perak, gangsa, alat besi untuk sembahyang atau memasak, beras, jeruk, kapur barus, buku, dan juga genting untuk istana negara asing. Barang import pula ialah mutiara, kristal, ratna mutu manikam, gading, singa, zirafah,



harimau, ramuan, seperti cengkih, kemenyan, cula badak, tanduk kijang Afrika, wangi-wangian, rempah-ratus, kain dan kayu. Sebahagiannya pemberian negeri yang dilawati, dan sebahagiannya dibeli.

Dalam bidang kebudayaan, terhasil tiga buah buku tulisan peserta pelayaran, iaitu Ma Huan, Fei Xin dan Gong Zheng yang mencatat nama negara yang dikunjungi, lengkap dengan keterangan tentang kedudukan, iklim, sumber alam, adat istiadat, agama, kehidupan masyarakat dan bahasanya. Buku-buku itu merupakan catatan penting tentang Asia-Afrika pada abad ke-15.

Bahasa Melayu turut diangkat sebagai bahasa penting dan diletakkan dalam Jabatan Bahasa Islam di pusat bahasa istana China. Bermula dengan Jawatankuasa Jurubahasa yang turut menempatkan dua orang jurubahasa bagi bahasa Melayu, istana China kemudian mendirikan Jabatan Bahasa Asing, dan bahasa Melayu menjadi satu daripada bahasa asing yang penting. Sebagai lanjutan daripada minat besar pihak China terhadap bahasa Melayu yang pada abad itu menjadi lingua franca di Alam Melayu, telah diupayakan penyusunan kamus Melayu. Itulah kamus pertama yang terhasil sebelum kira-kira 100 tahun kemudian muncul usaha orang Barat menyusun kamus dwibahasa Melayu-Itali oleh Antonio Pigaffeta.

Dalam bidang penyebaran Islam, penyebaran agama Islam yang pertama oleh Zheng He berlaku di Semarang, berpusat di Gedung Batu yang kemudian menjadi masjid. Misi penyebaran Islam yang kedua ialah di Jawa dan Sumatera. Di Melaka, kewujudan masjid berseni bina Cina patut dijadikan asas kajian tentang kemungkinan Zheng He turut berdakwah di Melaka. Dicatat dalam sebuah buku bahawa Zheng He membawa seorang arkitek dari kampung halamannya di Yunnan yang mereka bentuk pelan masjid di sana, dan reka bentuk itu kemudian diterapkan dalam pembinaan masjid di Melaka.

Akhirnya, dalam bidang diplomasi dan perhubungan antarabangsa, dengan peranannya sebagai ketua misi semua pelayaran yang mewakili kerajaan China, iaitu Dinasti Ming, Zheng He bertindak sebagai duta yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara yang dikunjungi di Asia Tenggara, Asia Selatan, Afrika dan Asia Barat.

Khusus bagi hubungan dengan Alam Melayu, terutama Melaka, misi Zheng He dirakam oleh

Profesor Liang Liji sebagai kejayaan diplomasi yang perlu dicatat dengan tinta emas. Liang Liji merumuskan tiga perkara penting yang menjadi natijah interaksi dan hubungan antara dua tamadun besar itu, yang dapat diringkaskan sebagai yang berikut:

1 Terjalannya hubungan persahabatan yang saling menghormati, saling memahami dan saling menghargai sehingga tidak berlaku perselisihan dan pertikaian yang dapat menjejaskan hubungan persahabatan dua bangsa itu.

2 Wujudnya sikap yang sama dalam usaha memupuk perdamaian dan keadilan, dengan menolak kekerasan dan perseteruan. Hal ini berbeza sama sekali dengan kedatangan armada bangsa Barat yang membawa niat dan misi penjajahan.

3 Wujudnya kerjasama ekonomi dalam bentuk perdagangan dua hala melalui tiga sistem pada zaman itu, iaitu perdagangan antara raja (dalam bentuk persembahan ufti dan balasan anugerah pelbagai barang berharga), perdagangan antara kerajaan berdasarkan kontrak penjualan barangan tertentu hanya kepada kerajaan China dengan harga yang menguntungkan Melaka, dan perdagangan awam dalam kalangan masyarakat umum.

Catatan singkat tentang Zheng He itu cukup untuk mengangkat beliau sebagai sosok watak suprawangsa yang mewariskan jejak penting dalam jalinan hubungan diplomatik antara kerajaan China lama dengan beberapa buah wilayah sedunia, khususnya di Asia dan Afrika. Misi persahabatan dan keamanan yang didukungnya itu dilanjutkan oleh pemerintah China kini yang muncul sebagai kuasa besar, tetapi tidak menjadi kuasa politik berkecenderungan untuk mengenakan hegemoni politik dan ketenteraan, sebaliknya lebih cenderung untuk menjalinkan kerjasama ekonomi.

Demikianlah besarnya harapan bahawa gagasan Inisiatif Jalur dan Laluan yang menjadi agenda ekonomi pemerintah Republik Rakyat China itu harus berlandaskan semangat persahabatan, penghormatan dan perdamaian dengan negara peserta gagasan itu. Sebagai orang Islam pula, Zheng He dapat diangkat sebagai Muslim contoh yang berjaya memberikan keyakinan kepada pemerintah bukan Islam tentang erti amanah, kemampuan dan sahsiah luhur sebagai asas pemberian kepercayaan dalam pelaksanaan sesuatu tanggungjawab. **DTI**